

SOALAN NO: 505

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

TARIKH: -

SOALAN:

Tuan Abdullah Sani Bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan tindakan terhadap syarikat-syarikat yang tidak mematuhi konvensyen ILO 87 dilaksanakan.

PR-1341-T71909

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Malaysia masih belum meratifikasi Konvensyen ILO 87. Konvensyen ini adalah berkenaan kebebasan berkesatuan dan perlindungan terhadap hak-hak berkesatuan (*Freedom Of Association And Protection Of The Rights To Organise*). Kerajaan Malaysia tidak boleh mengambil tindakan terhadap mana-mana pihak yang tidak mematuhi Konvensyen ILO No. 87 ini kerana ia bukan merupakan undang-undang di negara ini.

2. Walau bagaimanapun Seksyen 8, Akta Kerja 1955 memperuntukkan bahawa kontrak perkhidmatan tidak boleh menghadkan hak-hak pekerja untuk memasuki, menyertai atau menubuhkan kesatuan sekerja. Pelanggaran peruntukan ini ialah satu kesalahan yang jika disabitkan, boleh dikenakan penalti am di bawah Seksyen 99A Akta Kerja 1955 yang menetapkan denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

3. Walau bagaimanapun, sehingga kini masih belum ada sebarang tindakan pendakwaan diambil di bawah Akta Kerja 1955 kerana pada dasarnya majikan di Malaysia mematuhi peruntukan undang-undang ini.

4. Di samping itu, Akta Perhubungan Perusahaan 1967 (Akta 177) tetap memberi perlindungan terhadap hak-hak pekerja, majikan dan kesatuan sekerja mereka. Sekiranya terdapat apa-apa pelanggaran Seksyen 4, 5 & 7 Akta 177, pihak terbabit boleh melaporkannya kepada Ketua Pengarah di bawah Seksyen 8, Akta 177.

5. Di bawah sub seksyen 59(1) APP 1967, ianya turut memperuntukkan perlindungan terhadap pekerja-pekerja. Pelanggaran terhadap seksyen ini boleh dikenakan hukuman penjara tidak melebihi setahun atau denda tidak melebihi RM 2,000.00 atau kedua-duanya sekali kepada mana-mana orang yang didapati bersalah melanggar peruntukan tersebut.

Tuan Yang Di Pertua,

6. Oleh yang demikian, mana-mana kesatuan sekerja yang merasakan mereka dianiaya oleh majikan mereka, mereka perlu dengan segera membuat laporan ke Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia untuk diambil tindakan sewajarnya di bawah Akta Perhubungan Perusahaan 1967.